

UPM laksana 348 projek agrobio menerusi Irpa

Oleh Syuhada Choo Abdullah

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menjalankan 348 projek penyelidikan dalam bidang berkaitan pertanian atau agrobio melalui skim Peningkatan Penyelidikan Bidang Keutamaan (Irpa) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Muhamad Zohadie Bardiae, berkata pelaksanaan projek penyelidikan berkenaan membabitkan geran Irpa sebanyak RM94 juta, iaitu meliputi lebih 50 peratus daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM163 juta.

Katanya, perkembangan yang semakin memberangsangkan itu secara langsung membuktikan UPM terus memberi penekanan serius terhadap agrobio sebagai bidang kekuatan universiti berkenaan, sekali gus memberi sumbangan besar ke-

pada pembangunan sektor pertanian negara, walaupun sudah bertukar daripada nama Universiti Pertanian Malaysia pada 1997.

Malah, beliau berkata, elemen memperkasakan bidang terbabit turut menjadi tumpuan ketiga daripada keseluruhan lapan matlamat digariskan dalam Pelan Strategik UPM 2001-2010, iaitu mempertingkatkan keupayaan universiti itu sebagai pusat pengajian serta perkhidmatan pertanian dan biosumber terkemuka pada peringkat antarabangsa.

"Geran Irpa yang UPM terima untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang agrobio memang meningkat daripada setiap peruntukan Rancangan Malaysia. Sejak ditubuhkan, UPM tidak pernah 'lari' daripada teras pertanian walaupun kini mempunyai fakulti dalam bidang pengajian lain seperti perubatan dan kejuruteraan.

"Hasil penyelidikan UPM dalam bidang agrobio juga pernah mem-

nangi pengiktirafan dalam pertandingan bertaraf antarabangsa seperti di Geneva. Setakat ini, sebanyak 10 projek penyelidikan sudah pun mendapat paten dan dikomersialkan, termasuk ke pasaran global.

"Sebagai contoh, penyelidik UPM berjaya menghasilkan 'Innovative White Spot Syndrome Virus Detection Kit' yang mampu mengesan virus 'white spot' dengan cepat. Virus berkenaan adalah suatu ancaman besar kepada industri penternakan udang kerana boleh merebak dengan pantas sehingga pernah menakabatkan kerugian mencerek RM60 juta di Sabah pada 1997.

"Justeru dengan pengesanan yang cepat, langkah pencegahan virus itu dapat diambil segera sekali gus boleh mengelakkan kerugian besar kepada industri berkenaan. Hasil penyelidikan ini jelas bertaraf antarabangsa dan menenangi pertandingan di Geneva. Kini, ia sudah pun dipaten serta dikomersialkan ke pasar negara Asia," katanya kepada

Berita Harian di Serdang, semalam.

Sebagai inisiatif berterusan untuk memberi penekanan terhadap kepentingan bidang pertanian, Dr Muhamad Zohadie berkata, UPM melalui Fakulti Pertanian akan menganjurkan kongres pertanian membabitkan peserta antarabangsa dari 4 sehingga 7 Oktober ini.

Beliau berkata, kongres berkenaan yang dijadual dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, diadakan sempena Pameran Pertanian, Holtikultur dan Agro-Pelancongan Malaysia 2004 (Maha 2004) anjuran Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Mines, Kuala Lumpur.

Katanya, kongres bertema 'Inovasi Ke Arah Pertanian Moden' itu membabitkan pembentangan kertas kerja daripada pakar dalam bidang berkaitan dari pelbagai negara, termasuk Jerman, Denmark, United Kingdom, Thailand, Australia, Si-



Dr Muhamad Zohadie

ngapura, Amerika Syarikat dan Jepun.

"Melalui kongres ini, penyelidik, pereka cipta, pembuat polisi serta pengamal dalam bidang pertanian peringkat kebangsaan dan global berpeluang berkongsi penemuan berkuarter mereka.

"Antara matlamat kongres ini ialah menyediakan tapak forum untuk dialog intelektual bagi membincang, memikir dan mempertimbang serta memperkembangkan inovasi ke arah pertanian moden, di samping memberi pendedahan mengenai teknologi maju dan teruji dalam bidang pertanian," katanya.